

01 MAY 1996

Mahathir-Pas

UMNO SOKONG PAS JIKA PINDAAN SELARAS DENGAN PENDIRIAN UMNO

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno akan menyokong PAS di Dewan Undangan Negeri Kelantan jika cadangan pindaan kepada perlembagaan negeri itu bagi menghadkan kuasa raja sesuai dengan pendirian Umno.

Perdana Menteri berkata, PAS sendiri pernah menyokong Umno di Parlimen ketika kerajaan Barisan Nasional (BN) membentangkan cadangan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi menghadkan kuasa Raja-raja pada 1993.

"Jika ia sesuai dengan pendirian Umno, kita akan menyokongnya," kata Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno dan Pengerusi BN kepada pemberita selepas pertemuan dengan pemimpin masyarakat Malaysia di Brunei di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Haji Salim Hashim di sini.

"Negeri-negeri lain sudahpun meminda perlembagaan masing-masing. Malah dalam Parlimen pun, PAS sokong kita."

Semalam, Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang, berkata parti itu berharap BN terutama Umno, menyokong cadangan Kerajaan Negeri Kelantan pimpinan PAS untuk meminda perlembagaan negeri itu kerana PAS sendiri telah menyokong BN ketika Kerajaan Pusat berbuat demikian di Parlimen.

PAS juga, kata Abdul Hadi, telah menyokong Kerajaan-kerajaan Negeri Kedah dan Terengganu pimpinan Umno untuk meminda perlembagaan negeri masing-masing bagi tujuan yang serupa.

Isnin lepas, Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah berkata, lima daripada tujuh anggota Parlimen PAS telah mengundi menyokong cadangan Kerajaan Pusat meminda Perlembagaan Persekutuan itu.

Mereka yang menyokong ialah Abdul Hadi (Marang), Daeng Sanusi Mariok (Rantau Panjang), Wan Mohd Jamin Mahmood (Tumpat), Mohamad Sabu (Nilam Puri) dan Ibrahim Mahmood (Kuala Krai). Dua lagi anggotanya -- Bunyamin Yaakob (Bachok) dan Nik Abdullah Arshad (Pengkalan Chepa) -- tidak hadir ketika itu.

Mengenai pertelagahan antara PAS dan Parti Melayu Semangat 46 (S46) sekarang, Dr Mahathir berkata, perkara itu sememangnya sudah dijangkakan kerana kedua-dua parti utama dalam Angkatan Perpaduan Ummah itu berlainan falsafah dan pendapat.

"Kedua-duanya tidak sesuai... lambat-laun mesti ada perselisihan faham. Cuma saya hairan kenapa ia mengambil masa begitu lama," katanya.

Apabila ditanya peluang mengenai S46 untuk meneruskan kerjasama dengan PAS pada pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata, amat sukar bagi parti serpihan Umno itu untuk berbuat demikian jika memandangkan kepada tahap pertelagahan antara kedua-duanya sekarang.

Ahad lepas, Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, S46 sudah hancur dan tidak lagi wujud berikutan perisytiharan Presidennya, Tengku Razaleigh Hamzah, bahawa beliau masih mempunyai semangat Umno.

Ketika ditanya sama ada pertelagahan antara PAS dan S46 itu disebabkan kenyataan Tengku Razaleigh itu boleh dianggap membayangkan keinginan untuk menyertai semula Umno, Dr Mahathir berkata;

"Kita belum terima (permohonan Tengku Razaleigh untuk menyertai Umno)...tidak ada permintaan apa-apa daripada dia (Tengku Razaleigh). Dia cuma beritahu mengenai semangatnya yang masih Umno...apa sebab dia (Nik Aziz) ada sangkaan begitu."

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan kerja sehari ke

Brunei, hari ini berlepas ke Pulau Layang-Layang selepas pertemuan dengan masyarakat Malaysia di negara itu.

Semasa di sini, beliau mengadakan pertemuan empat mata dengan Sultan Hassanal Bolkiah di Istana Nurul Iman, di sini semalam.

Mengenai lawatan ke Brunei, Dr Mahathir berkata, ia bertujuan meningkatkan kerjasama dua hala agar pelabur Malaysia dan Brunei dapat mencari peluang perniagaan di kedua-dua negara.

"Ia cuma lawatan biasa, kita tidak ada apa-apa masalah dengan Brunei, hanya kita nak eratkan hubungan kita," katanya.

Selain itu, katanya, beliau dan Sultan Hassanal Bolkiah, yang juga Perdana Menteri Brunei, berbincang mengenai isu-isu serantau seperti Asean dan isu antarabangsa termasuk Bosnia-Herzegovina dan perkembangan terbaru di selatan Lubnan.

Terdapat 23,800 rakyat Malaysia bekerja dalam pelbagai sektor di Brunei. Rakyat Malaysia adalah warga asing yang paling ramai bekerja di negara ini.

Eksport Malaysia ke Brunei tahun lepas berjumlah RM740 juta, kebanyakannya merupakan barangan makanan dan bahan binaan.

Semasa di Pulau Layang-Layang, Dr Mahathir diberi taklimat oleh Pengerusi Eksekutif Ekran Bhd, Tan Sri Ting Pek Khiing. Projek pembangunan pulau itu yang dianggarkan berharga RM50 juta dilaksanakan oleh syarikat Woodhouse Sdn Bhd, anak syarikat Ekran.

Ting memberitahu Bernama selepas itu bahawa Dr Mahathir berpuas hati dengan pembangunan pelancongan di pulau seluas 6.5 hektar itu yang dapat menarik ramai pelancong khususnya yang berminat menyelam.

Katanya, dengan adanya perkhidmatan penerbangan Saeaga Airlines ke pulau itu, usaha sedang dijalankan untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya yang bukan penyelam.

Beliau juga berkata, syarikat penerbangan itu sedang dalam rancangan untuk mengadakan penerbangan setiap hari ke pulau itu dari Kota Kinabalu-Pulau Layang-Layang-Miri-Mulu dan sebaliknya.

Menurutnya, kebanyakan pelancong yang mengunjungi pulau peranginan itu yang dibuka tahun lepas adalah dari Hong Kong, Jepun dan Australia selain rakyat Malaysia sendiri.

Selepas meluangkan masa lebih satu jam di situ, Dr Mahathir berlepas ke Labuan untuk melawat Pusat Kewangan Labuan. -- BERNAMA

ARA NMO